

Rayuan bagi raja-raja yang bersalah

Badan pengampunan

UJIM 18 FEB 1993

Daripada HAMZAH SIDEK ini.

KARACHI 17 Feb. — Raja-raja yang didapati bersalah oleh mahkamah khas kelak, tidak boleh merayu terhadap kesalahan mereka kecuali memohon pengampunan kepada sebuah badan pengampunan.

Bahagian pengampunan itu akan dianggotai oleh raja-raja, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, tidak seperti rakyat yang boleh membuat rayuan hingga ke Mahkamah Agung, kes raja-raja akan dimuktamadkan oleh Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah pindaan perlembagaan.

Katanya, badan pengampunan itu berhak meringankan hukuman.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada perjumpaan dengan 250 pelajar Malaysia di Hotel Pearl Continental di sini, petang

Menjawab satu pertanyaan pelajar, Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah mengendalikan isu raja-raja secara terbuka kerana usaha secara tertutup yang dijalankan sejak zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman telah gagal menginsafkan raja-raja.

Katanya, cara tertutup yang dijalankan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussin Onn juga menghadapi kegagalan.

Dr. Mahathir menjelaskan, beliau sedar ada kalangan orang Melayu yang tidak setuju dengan pendedahan secara terbuka mengenai perilaku raja-raja.

Menurut beliau, kerajaan terpaksa melakukan cara ini kerana tidak ada cara lain lagi.

“Saya yakin jika kita tidak melakukan secara terbuka begini mereka tidak akan sedar dan tidak akan berlaku perubahan,” katanya.